

PENYAKIT MEASLES (DEMAM CAMPAK) DAN VAKSIN MEASLES RUBELLA (MR)

UNTUK ANGGOTA KESIHATAN



1 Siapakah yang layak untuk diberi vaksin MR semasa Kempen MRSIA?

Semua kanak-kanak yang berumur **6 bulan hingga 59 bulan (lahir dari 1 Ogos 2020 sehingga 31 Januari 2025)** layak menerima 1 dos suntikan tambahan semasa Kempen MR SIA tanpa mengira status imunisasi dan kewarganegaraan.

2 Adakah kanak-kanak berusia 9 dan 12 bulan semasa tempoh Kempen MR SIA masih perlu di beri vaksin MR?

Tidak. Kanak-kanak yang berusia 9 dan 12 bulan semasa kempen MR SIA akan diberi vaksin MMR mengikut jadual Imunisasi Kebangsaan. Bagi kanak-kanak dalam kategori ini, vaksin MMR yang mereka terima dikira sebagai dos Kempen MR SIA. Pemberian vaksin MMR tersebut perlu dikira sebagai liputan MR SIA.

3 Bolehkah kanak-kanak diberi vaksin MR walaupun telah menerima vaksin yang lengkap?

Ya, boleh. Kanak-kanak yang telah lengkap imunisasi boleh diberi vaksin MR semasa Kempen MR SIA, asalkan tempoh penerimaan vaksin terakhirnya melebihi 4 minggu dari Kempen MR SIA.

4 Berapa dos yang perlu diberikan untuk aktiviti imunisasi tambahan ini?

Satu (1) dos vaksin kombinasi Measles Rubella (MR) sahaja diberikan kepada setiap kanak-kanak.

5 Adakah caj fi bagi pemberian vaksin MR semasa kempen?

Semasa kempen kanak-kanak warganegara dan juga bukan warganegara diberikan vaksin MR secara **percuma**.

6 Tempoh masa yang boleh diberikan untuk dos tambahan untuk MR SIA ini bagi kanak-kanak yang telah terima vaksin mengandungi Measles?

Tempoh masa (interval) yang bersesuaian untuk suntikan vaksin MR adalah selepas 4 minggu dari suntikan terakhir Measles dan Measles Mumps Rubella.

7 Apakah perlu reten untuk kempen MR SIA ini?

Untuk Kempen MR SIA ini, maklumat suntikan perlu dimasukkan ke dalam sistem MyVAS. Selain itu, terdapat juga reten yang perlu dihantar kepada Bilik Gerakan MR SIA.

8 Kanak-kanak telah menerima suntikan MR berulang-kali kerana kejadian wabak dan SIA kerap dijalankan di lokaliti kanak-kanak tersebut berada. Perlukah kanak-kanak itu disuntik lagi?

Ya. Kanak-kanak perlu diberi vaksin MR sekiranya beliau mempunyai kriteria berikut:

- Dalam tempoh kempen MR SIA
- Vaksin MR terakhir yang diterima adalah lebih daripada 4 minggu yang lalu
- Berada dalam lingkungan umur 6 bulan hingga 59 bulan (bawah 5 tahun)

9 Siapakah golongan yang tidak boleh diberi vaksin ini?

- Kanak-kanak yang menerima *corticosteroid* 2 mg/kg/day selama 7 hari ke atas atau dos rendah dalam tempoh masa lebih 2 minggu sebelum pemberian vaksin
- Kanak-kanak yang menerima pemindahan *Immunoglobulin*/produk darah
- Kanak-kanak yang mengalami masalah kurang zat makanan teruk dengan komplikasi
- Kanak-kanak yang menerima rawatan *immunosuppressive*, *radiotherapy* atau *chemotherapy*
- Kanak-kanak yang berisiko mendapat kesan AEFI teruk

10 Siapakah golongan yang boleh ditangguhkan pemberian vaksin MR?

- Kanak-kanak mengalami demam
- Kanak-kanak yang sedang mengalami penyakit akut yang teruk - contoh *Acute exacerbation of bronchial asthma* / jangkitan
- Kanak-kanak yang mempunyai sejarah penyakit teruk dalam tempoh 2 minggu sebelum Kempen MR SIA* (termasuk kemasukan ke hospital)
- Kanak-kanak yang dikenal pasti mempunyai penyakit kecenderungan mengalami pendarahan seperti *Idiopathic Thrombocytopenic Purpura* (ITP)*
- Dirujuk kepada Pegawai Perubatan bagi tempoh masa yang sesuai

Nota: Kanak-kanak ini perlu dinilai oleh Pegawai Perubatan dan sekiranya sesuai, boleh diberi janji temu baru 1-2 minggu atau tempoh masa sesuai.

11 Apakah yang perlu dilakukan sekiranya kanak-kanak menerima suntikan mengalami Kesan Advers Susulan Imunisasi / Adverse Event Following Immunisation (AEFI)?

Anggota kesihatan hendaklah merujuk kanak-kanak tersebut kepada Pegawai Perubatan dengan kadar yang segera untuk rawatan selanjutnya.

Sekiranya pegawai perubatan yang merawat mengesyaki keadaan yang berlaku disebabkan oleh vaksin, ianya perlu melaporkannya kepada NPRA. Maklumat berkaitan keperluan dan tempoh masa pelaporan berdasarkan kesan *advers* yang berlaku boleh dirujuk kepada *Adverse Drug Reaction (ADR) / Adverse Event Following Immunisation (AEFI) Reporting: Manual for Healthcare Providers*.

<https://www.npra.gov.my/easyarticles/images/users/1047/Adverse-Drug-Reaction-ADR--Adverse-Event-Following-Immunisation-AEFI-Reporting-Manual-For-Healthcare-Providers.pdf>

? SOALAN SENARIO

A. Faktor Umur

- 1 Aina berumur 18 bulan, datang ke klinik untuk vaksin booster DTaP. Bolehkah dia menerima vaksin MR pada hari yang sama?

Boleh jika penjaga bersetuju untuk diberikan 2 suntikan dalam satu masa. Jika ibu bapa tidak bersetuju untuk 2 suntikan pada masa sama, boleh diberikan vaksin MR pada hari tersebut seterusnya berikan janji temu lain (1-2 minggu) untuk vaksin booster DTaP.

- 2 Ali berumur 4 tahun telah lengkap imunisasi MMR Dos 1 dan Dos 2. Adakah beliau masih perlu diberi vaksin MR semasa Kempen MR SIA?

Ya. Ali masih perlu diberikan suntikan MR. Pemberian suntikan tambahan adalah perlu memandangkan terdapat peningkatan kes dan wabak measles dalam negara. Pemberian suntikan dos tambahan ini akan meningkatkan imuniti kanak-kanak dengan cepat dan seterusnya mengurangkan risiko jangkitan dan mendapat komplikasi penyakit.

- 3 Aiman berumur 4 tahun 10 bulan telah cicir semua imunisasi yang sepatutnya beliau terima. Apakah imunisasi yang sepatutnya diberi kepada Aiman semasa kempen.

1. Sekiranya Aiman datang ke klinik kesihatan, Beliau boleh diberikan MMR dos 1 bersama dengan Hexaxim dos 1 (Rujuk jadual imunisasi kanak-kanak cicir berumur 12 bulan hingga bawah 7 tahun).
2. Sekiranya Aiman dijumpai semasa *outreach*, Aiman boleh diberikan MR dan diminta hadir ke klinik kesihatan untuk diberikan vaksin lain mengikut jadual imunisasi seterusnya mengikut jadual imunisasi kanak-kanak cicir berumur 12 bulan hingga bawah 7 tahun.

- 4 Ashraf yang berumur 9 bulan hadir ke klinik kesihatan semasa Kempen MR SIA. Vaksin apakah yang patut diberikan kepada beliau?

Ashraf boleh diberikan vaksin MMR dos 1 dan tidak perlu diberikan vaksin MR. Pemberian vaksin MMR yang diberikan itu akan dimasukkan dalam liputan Kempen MR SIA.

- 5 Kanak-kanak berusia 8 bulan 15 hari datang ke klinik untuk mengambil suntikan MR setelah mengetahui tentang Kempen MR SIA. Perlukah kanak-kanak ini diberi suntikan MR?

Untuk kanak-kanak ini, janji temu mengikut Jadual Imunisasi Kebangsaan yang seterusnya ialah suntikan MMR pada usia 9 bulan iaitu dalam masa 2 minggu lagi. Bagi kanak-kanak ini, sekiranya ibu bapa dapat membuktikan tarikh janji temu suntikan MMR, kanak-kanak tersebut boleh menunggu tarikh janji temu suntikan MMR tersebut. Suntikan MMR yang diberi nanti termasuk dalam liputan Kempen MR SIA. Namun begitu, anggota kesihatan perlulah melakukan penilaian sewajarnya bagi memastikan kanak-kanak tersebut tidak tercicir imunisasi.

B. Faktor Penyakit

- 6 Razak berumur 3 tahun dan baru didiagnosis mempunyai leukemia, ibu bapa bertanya sama ada anaknya boleh mengambil vaksin MR.

Boleh, sekiranya Razak telah tamat menjalani rawatan kemoterapi **lebih dari 6 bulan** dari tempoh Kempen MR SIA.

- 7 Aina sedang mengalami penyakit measles/campak, bolehkah Aina mendapatkan vaksin MR sekarang?

1. Sekiranya Aina disahkan telah dijangkiti penyakit measles (melalui ujian serologi atau PCR) Aina tidak perlu diberi suntikan MR kerana imuniti selepas jangkitan measles adalah sepanjang hayat (*lifelong*).
2. Walau bagaimanapun, sekiranya diagnosis measles adalah melalui **clinical diagnosis**, maka vaksin MR boleh diberikan setelah Aina sihat.

- 8 Alisha mengidap HIV, bolehkah Alisha mendapat suntikan MR?

Alisha boleh mendapat suntikan MR asalkan CD4 melebihi 15% (bukan dalam kategori *immunosuppressed*).


C. Pengetahuan berkaitan vaksin MR

- 9 Suntikan MMR akan diberi kepada anak berumur 9 dan 12 bulan. Kenapa masih perlu beri vaksin MR awal sebelum capai umur tersebut?

Pemberian suntikan tambahan adalah perlu memandangkan terdapat peningkatan kes dan wabak measles dan rubella dalam negara. Pemberian suntikan dos tambahan ini akan meningkatkan imuniti kanak-kanak dengan cepat dan seterusnya mengurangkan risiko jangkitan dan mendapat komplikasi penyakit.

- 10 Ibu dan anak tiada nombor pengenalan diri. Bolehkah anak tersebut disuntik MR semasa kempen?

Boleh, kerana kempen ini adalah percuma kepada semua kanak-kanak berumur 6-59 bulan (**yang lahir dalam kohort 1 Ogos 2020 sehingga 31 Januari 2025**) tanpa mengira kewarganegaraan.



**Hentikan Demam Campak,
Lindungi Anak Kita**